



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA
SELASA , 10 APRIL 2018**

1. KERAJAAN PERUNTUK RM563,948 BANTU – UM ONLINE
2. PIBG SK DATO ONN JAAFAR WUJUDKAN LAMAN BIODIVERSITI – SH ONLINE
3. ROADSIDE STALLS IN KL TO BE REPLACED WITH FOOD TRUCKS BY 2020, SAYS FT MINISTER – MALAY MAIL ONLINE

UKKMOA

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/4/2018	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

Kerajaan peruntuk RM563,948 bantu

Yatimin Abdullah
09 April 2018 11:51 AM



MOHD. ROSDI AB. AZIZ (kanan) menyerahkan bantuan kepada salah seorang petani terlibat dengan musibah banjir hujung tahun lalu. - UTUSAN ONLINE

TUMPAT 9 April - Kerajaan persekutuan menerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) memperuntukkan RM563,948 bagi membantu pesawah di kawasan Parlimen ini yang terlibat dengan banjir pada tahun lalu.

Ahli Lembaga Pengarah KADA, Datuk Mohd. Rosdi Ab. Aziz berkata, peruntukkan tersebut melibatkan seramai 219 petani yang mana padi mereka ditenggalami banjir.

Menurutnya, pesawah akan menerima bantuan maksimum sehingga RM4,500 bagi meringan beban selain memberikan sedikit modal untuk meneruskan tanaman padi pada musim berikutnya.

"Sumbangan ini jelas menunjukkan Kerajaan Persekutuan sentiasa prihatin dengan masalah yang dihadapi oleh golongan petani.

"Kecaknaan kerajaan terhadap golongan ini juga dapat lihat menerusi pelbagai peruntukkan-peruntukkan lain yang turut disediakan bagi meringankan beban mereka," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penyerahan Bantuan Tabung Bencana Tanaman Padi Bagi Kawasan KADA Jajahan Tumpat di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Bunga Raya Tumpat.

Mohd. Rosdi memberitahu, peruntukkan itu juga menangkis dakwaan sesetengah pihak kerajaan sudah bankrap.- UTUSAN ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/4/2018	SINAR HARIAN	ONLINE	

PIBG SK Dato Onn Jaafar wujudkan Laman Biodiversiti

JULIZA MOHD SAAD
9 APRIL 2018



Laman Bio Diversiti yang diusahakan oleh PIBG SK Dato' Onn Jaafar.

SIMPANG RENGAM - Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Kebangsaan (SK) Dato Onn Jaafar, dekat sini mengambil inisiatif mewujudkan Laman Bio Diversiti untuk pembelajaran murid sekolah berkenaan.

Yang Dipertua PIBG SK Dato Onn Jaafar, Anida Basri berkata, Laman Bio Diversiti diwujudkan melibatkan sektor pertanian dan penternakan khusus untuk pembelajaran murid selain tempat riadah.

Katanya, projek yang diusahakan dalam jangka masa singkat itu hasil gabungan tenaga dengan Persatuan Aspirasi Resources di atas tanah milik sekolah tersebut.

"Kawasan yang diusahakan itu sebenarnya adalah kawasan tanah terbiar milik sekolah seluas 0.8 hektar yang mana sebelum ini dicadangkan untuk pembinaan kelas pendidikan khas, namun tiada perkembangan lanjut mengenainya sehingga timbul idea mewujudkan laman ini.

"Dengan bajet yang ada laman ini diwujudkan bagi memberi peluang kepada murid mendalami secara peringkat awalan perkara berkaitan pertanian dan penternakan melalui tanaman dan binatang yang terdapat di laman ini.

"Selain itu, laman ini juga akan digunakan sebagai tempat riadah murid dan masyarakat. Malah, laman ini juga boleh dijadikan sebagai tempat perkhemahan pasukan beruniform mahupun NGO," katanya selepas majlis pelancaran laman berkenaan, baru-baru ini.

Majlis perasmian disempurnakan Ketua Whip Majlis Daerah Simpang Renggam (MDSR), Datuk Abd Hamid Abd Rahman merangkap Ketua Umno Bahagian Simpang Renggam.

Hadir sama, Timbalan Pegawai Pelajaran Daerah Kluang, Shahat Md Shah.

Dalam pada itu, Anida berkata, laman yang diwujudkan itu bukan sahaja pembelajaran semata-mata, tetapi turut membantu menjana pendapatan PIBG menerusi kunjungan orang ramai untuk membuat perkhemahan atau memberi makanan kepada haiwan di laman berkenaan.

Katanya, pada masa ini masih di peringkat awal dan akan diperkemas dengan menambah baik dari segi tanaman pokok herba dan ternakan.

"Pada masa ini hanya ada pokok bunga dan haiwan ternakan seperti arnab serta ikan.

"Laman ini juga sebagai galakan kepada murid dengan menumpukan kepada sektor pertanian dan penternakanselain dijadikan sebagai bahan rujukan," katanya.

Kata Anida, melalui sentuhan dan didikan daripada guru berkaitan pertanian, beliau pasti ia memberi pendedahan kepada pelajar.

"Beberapa perancangan turut dilaksanakan secara berperingkat di laman ini bagi memastikan tujuan penubuhan laman ini mencapai sasaran yang ditetapkan seterusnya memberi manfaat kepada murid dan sekolah," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/4/2018	MALAY MAIL	ONLINE	

Roadside stalls in KL to be replaced with food trucks by 2020, says FT minister

BY REENA RAJ
Monday April 9, 2018
05:59 PM GMT+8



Food trucks seen at 'Tapak: Urban Street Dining' along Jalan Ampang. The place was previously a parking lot, but is now operated by a private company to house food trucks for a fee. — Pictures by Firdaus LatifUALA LUMPUR, April 9 — Two years from now, Kuala Lumpur's central business district (CBD) will be completely absent of roadside stalls. Federal Territories Minister Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor said these will be replaced by food trucks and push carts operating in designated areas.

As the city changes, Tengku Adnan said it is also time for small food businesses to "evolve" if they want to continue operating in the CBD.

"They can't operate a business in the city under an umbrella all their lives," he added. "We have no intention of making life difficult for the traders, instead we will help them to upgrade to food trucks and push carts," he told *Malay Mail*.

Tengku Adnan said there is a misconception that there are plans to do away with stalls and three-wheeled motorcycle hawkers in Kuala Lumpur.

"That's not the situation. We need to make adjustments so that we match other cities in the world. This upgrade will improve cleanliness and do away with the ugly sight of stalls scattered everywhere," he said.

The Putrajaya MP said the CBD will be the first to roll out this project but it will eventually be extended to other areas.

Part of the plan is to create dedicated food truck parks where these food trucks and push carts can operate during designated hours i.e. lunch and dinner.

"DBKL will provide basic amenities such as water and power supply as well as waste disposal facilities," he said, referring to City Hall by its Malay abbreviation DBKL.



There are tables and chairs ready for diners at 'Tapak: Urban Street Dining.' He said the ministry and City Hall are already working with traders to explain they have to move according to the times if they want to continue operating in the CBD.

"I don't want this to be looked at as a Malay dominated business, or people to have the perception the help is exclusively for the Malays. It's not true, this is open to all races," he said.

Many traders say funding is the main obstacle they face when it comes to "upgrading" themselves. Tengku Adnan said the ministry is engaging with truck manufacturers as well as raw food wholesalers on ways to keep the cost low.

"We are also starting training to assist them with the operations," he said.

He said a basic truck can cost between RM80,000 and RM140,000 and even with the RM10,000 grant from the ministry, it is still a big loan that these traders need to take on.

Other options are to use recon vehicles or smaller trucks. "We are also considering the use of pull carts or trollies which can be attached behind their cars so they can park and operate the business," he said.

He added that Majlis Amanah Rakyat (MARA) and National Entrepreneur Group Economic Fund (Tekun) will also assist with funding.

"There is no rule for all to use the same kind of truck or vehicle. They have other options to consider because if one is selling drinks, they don't need the biggest truck," he said.

"I saw in Rio de Janeiro where old Volkswagen vans are used to operate food business. Such options are also viable," he added.

Tengku Adnan said cost cannot be used as an excuse all the time. He said it is important that the traders be innovative. "We will work with them from scratch and find ways where they are not burdened by the vehicle installments."

Tengku Adnan added that this project does not include bazaars and *pasar malam*.

"All we want is a liveable clean city. We need the co-operation of all the business operators to make this happen," he said.

He said the ministry has two years to educate the traders. Previously, Tengku Adnan already said the ministry targets 1,000 food truck business licenses to be issued by year-end to realise the aim of zero roadside traders in KL by 2020.

He said to date City Hall has already issued 220 of such licences.